

DATE: 29/1/2010

Perbaiki kehidupan semua rakyat

Pelaksanaan GTP komitmen kerajaan tingkat sistem penyampaian khidmat



KUALA LUMPUR: Tan Sri Muhyiddin Yassin mengajak rakyat semua peringkat terbabit dalam pelaksanaan Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan (GTP) untuk memperbaiki kehidupan semua rakyat tanpa mengira bangsa, agama atau Wilayah bagi mencapai gagasan 1Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata pelancaran GTP melambangkan komitmen kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan kerajaan bagi melaksanakan transformasi selepas sesi percambahan minda di enam makmal membabitkan bidang utama seperti jenayah, rasuah, pendidikan, isi rumah berpendapatan rendah, infrastruktur asas luar bandar dan pengangkutan awam bandar.

"Peristiwa bersejarah ini penting bagi negara dan rakyat seharusnya menyertainya kerana apa yang rakyat mahu kerajaan beri perhatian dan tumpuan untuk mengatasi masalah mereka ada di dalamnya.

"Yang penting, selain komitmen kerajaan, kita mahu rakyat rasa ini sebahagian daripada milik mereka. Bukan saja terletak kepada kerajaan, malah perlu ada perasaan milik bersama untuk memastikan kejayaannya," katanya.

Muhyiddin berkata, setakat ini, pelbagai maklum ba-



NAJIB bersama Muhyiddin serta dua bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Abdullah Ahmad Badawi serta ahli Kabinet lain selepas pelancaran Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan di Kuala Lumpur, semalam.

las diterima menerusi sesi percambahan minda untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Beliau berkata, kewujudan makmal dan buku yang dilancarkan semalam juga menunjukkan komitmen kerajaan dan sistem khusus dirangka untuk memantau perkembangan GTP dari semasa ke semasa bagi mencapai tahap negara maju.

"Untuk mencapai matlamat itu, perubahan radikal sebegini tidak boleh dilakukan. Oleh itu, rakyat perlu sama terbabit kerana ia untuk kepentingan bersama," katanya.



ORANG ramai berebut mengambil buku Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan yang diedarkan, semalam.



MENTERI Kabinet dan tetamu kenamaan yang hadir pada pelancaran Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan di Kuala Lumpur, semalam.

Mempertingkatkan pencapaian pelajar

" Sasaran kerajaan adalah jelas memperbaiki pencapaian pendidikan dengan memastikan setiap pelajar mempunyai akses pendidikan berkualiti pada peringkat pendidikan prasekolah, literasi dan numerasi"

Muhyiddin Yassin
Timbalan Perdana Menteri

Mempertingkatkan pengangkutan awam bandar



Projek 1 Ticket, 1Seamless Journey dilancarkan untuk semua 16 pengusaha pengangkutan awam yang membolehkan pengguna menikmati kemudahan pengangkutan awam dengan tiket atau pas kbas tanpa tunai"

Datuk Seri Ong Tee Keat
Menteri Pengangkutan

Mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar



Empat sasaran utama NKRA yang meliputi jalan raya, perumahan, elektrik dan air bertujuan mempertingkatkan infrastruktur asas bagi memperbaiki kualiti hidup pendudukan luar bandar"

Datuk Seri Mohd Shafie Apdal
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah